



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**SATU KAJIAN EKSPERIMEN: PENERAPAN KAEDAH KODALY
,DAN ORFF DALAM PEMBELAJARAN VIOLIN PELAJAR
TINGKATAN SATU DI IPOH, PERAK.**

CHRISTINE A/P AUGUSTINE



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TELAH DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA KESENIAN (SENI PERSEMBAHAN)**

**PUSAT KEBUDAYAAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

MAC 2008



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGAKUAN

Saya akui bahawa penulisan ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan, di mana tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

CHRISTINE A/P AUGUSTINE
RGA 030012

MAC 2008



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: Christine Augustine (No. K.P: 750522-04-5242)

No. Pendaftaran/Matrik: RGA 030012

Nama Ijazah: Ijazah Sarjana Kesenian (Seni Persembahan)

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis

("Hasil Kerja ini"):

Satu Kajian Eksperimen: Penerapan Kaedah Kodaly Dan
Orff Dalam Pembelajaran Violin Pelajar Tingkatan Satu
di Ipoh, Perak.

Bidang Penyelidikan: Pendidikan Muzik

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah diperlakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;

(6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Karya ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

A. 
Tandatangan Calon

17/03/2008
Tarikh

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,



Tandatangan Saksi

Tarikh 17.03.08

Nama: UMMU AIMAN BT ABD KARIM
Jawatan: PEN. PENDAFTAR



Pengkaji amat bersyukur kepada Tuhan Yang Maha Esa untuk memberikan rahmat untuk menyiapkan tesis ini.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr.Pan Kok Chang selaku pensyarah pembimbing untuk nasihat serta tunjuk ajar yang diberinya untuk menyiapkan tesis ini.

Ucapan terima kasih kepada Pengetua Sekolah Menengah Tuanku Permaisuri Bainun, Ipoh dan guru-guru yang memberi peluang untuk membuat kajian. Juga kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang telah menaja biasiswa kepada pengkaji untuk melanjutkan Sarjana di Universiti Malaya.

Tidak lupa sahabat-sahabat dan rakan-rakan seperjuangan yang menjadi sumber inspirasi dan menyumbang sama memberi bantuan dan kerjasama serta tunjuk ajar sepanjang menjalankan kajian ini.

Ucapan yang teristimewa ditujui kepada semua ahli keluarga saya khasnya, suami tercinta, Anand, ayah dan ibu, yang dikasihi, serta ayah dan ibu mertua yang sentiasa berdoa dan memberi semangat serta menjadi dorongan utama bagi menyiapkan tesis ini.





Tujuan kajian eksperimental ini adalah untuk menentukan keberkesanan kaedah Orff dan Kodaly bagi meningkatkan kefahaman pelajar tentang konsep muzik seperti ritma dan pic menggunakan violin. 28 pelajar Tingkatan Satu didedahkan pada dua jenis kaedah pengajaran yang berbeza yang dijalankan selama 10 minggu. Pelajar kumpulan eksperimental diterapkan dengan kaedah Orff dan Kodaly dengan menggunakan notasi ikon, pertuturan dan pergerakan badan manakala kumpulan dikawal diterapkan dengan kaedah tradisional iaitu notasi biasa dimana kedua-duanya menggunakan pantun kanak-kanak dan lagu rakyat tempatan sebagai repertoire. Soal selidik berkenaan minat dan persepsi pelajar diberi pada permulaan dan penghujung minggu kajian. Pengkaji menggunakan *Statistical Packages for the Social Sciences* (SPSS) untuk mendapatkan hasil sampel bebas ujian-*t* untuk setiap kumpulan. Keputusan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kedua-dua kumpulan pada ujian pra, $p > 0.05$ ($p = 0.571$), sementara pada ujian pasca pula, terdapat perbezaan yang signifikan, $p < 0.05$ ($p = 0.002$). Penilaian akhir pula menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dari segi pencapaian pelajar selepas rawatan dijalankan atas Kelas 1 Pi berbanding Kelas 1 Beta $p > 0.05$ ($p = 0.024$). Pada keseluruhannya, terbukti kaedah Orff dan Kodaly yang diaplikasikan di dalam pembelajaran muzik violin adalah lebih berkesan daripada kaedah Tradisional.





The purpose of this experimental study is to determine the effectiveness of the Orff and Kodaly approaches for improving students' understanding of music concepts such as rhythm and pitch using the violin. The same teacher applied two different types of musical approaches to 28 Form One students for 10 weeks. Students in the experimental group were exposed to Orff and Kodaly approaches using iconic notations, speech patterns and body movements while the control group was exposed to traditional method with music notations, using repertoire of nursery rhymes and local folk songs. Questionnaires on musical interest and perceptions of both approaches were administered before and after the experiment to all participating students. Independent *t*-test from the *Statistical Packages for the Social Sciences* (SPSS) was used to analyze the results. The result showed no significant difference between the two groups in the pre test, $p > 0.05$ ($p = 0.571$), while there was a significant difference in the post test, $p < 0.05$ ($p = 0.002$). A final evaluation test also showed that there was a significant difference between the two groups, $p > 0.05$ ($p = 0.024$). Overall, the Orff and Kodaly approach applied to the experimental group proved to be more effective than the traditional approach.



Pengakuan	i
Penghargaan	iv
Abstrak	v
Abstract	vi
Isi Kandungan	vii
Senarai Jadual	xi
Senarai Carta	xiii
Senarai Lampiran	xiv

BAB 1 PENGENALAN

1.0	Pengenalan	1
1.1	Objektif Kajian	4
1.2	Kepentingan Kajian	5
1.3	Penyataan Hipotesis	8
1.4	Persoalan Kajian	9
1.5	Latar Belakang Kajian	9
1.6	Penyataan Masalah	12
1.7	Batasan Kajian	13
1.8	Definisi Istilah	13
1.8.1	Notasi ikon	13
1.8.2	Kaedah Orff	14
1.8.3	Kaedah Kodaly	14
1.8.4	Lagu rakyat	15
1.8.5	Notasi Lidi	15
1.8.6	Pantun kanak-kanak	15
1.8.7	Perkusi badan	16
1.8.8	Skala pentatonik	16
1.8.9	Skala diatonik	16
1.8.10	Violin	16

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.0	Pengenalan	18
2.1	Kaedah Dalam Muzik	18
2.2	Violin	20
2.3	Program Muzik KBSM	24
2.4	Sejarah Kaedah Orff	27
2.5	Sejarah Kaedah Kodaly	29
2.6	Integrasi Orff dan Kodaly	31
2.7	Kerangka Analisis Kajian	36

BAB 3

METODOLOGI

3.0	Pengenalan	43
3.1	Sumber Kajian	43
3.1.1	Sumber Primer	43
3.1.2	Sumber Sekunder	43
3.2	Perancangan Modul Mengajar dalam Kajian	44
3.3	Kerja Lapangan	45
3.4	Skop Kajian	46
3.5	Reka Bentuk Kajian	48
3.6	Pelan Kajian	51
3.7	Instrumen Kajian	52
3.7.1	Pemerhatian mengikut Aktiviti	53
3.7.2	Soal Selidik	53
3.7.3	Penilaian Akhir	54
3.7.4	Kaedah Pengumpulan Data	55

4.0	Pengenalan	57
4.1	Penganalisaan Data Primer	58
4.2	Laporan Pengajaran	59
4.2.1	Laporan Pengajaran Minggu-1	59
4.2.2	Laporan Pengajaran Minggu-2	60
4.2.3	Laporan Pengajaran Minggu-3	61
4.2.4	Laporan Pengajaran Minggu-4	62
4.2.5	Laporan Pengajaran Minggu-5	63
4.2.6	Laporan Pengajaran Minggu-6	64
4.2.7	Laporan Pengajaran Minggu-7	64
4.2.8	Laporan Pengajaran Minggu-8	65
4.2.9	Laporan Pengajaran Minggu-9	66
4.2.10	Penilaian Akhir	67
4.3	Analisis Borang Soal Selidik dan Subjek Kajian	67
4.3.1	Bahagian I	67
4.3.2	Bahagian II	70
4.3.2.1	Hasil Dapatan Hipotesis Nol Pertama	83
4.3.3	Bahagian III	87
4.4	Keputusan Penilaian Akhir	95
4.4.1	Hasil Dapatan Hipotesis Nol Kedua	102
4.5	Hasil Produksi Subjek Kajian	105

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0	Pengenalan	106
5.1	Ringkasan Kajian	106
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	107
5.2.1	Analisis Persoalan Kajian 1	108
5.2.2	Analisis Persoalan Kajian 2	114



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

5.3 Rumusan Dapatan Kajian 120

5.4 Cadangan 121

BIBLIOGRAFI 126

LAMPIRAN 133



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Jadual 4.1	Taburan Responden berdasarkan Jantina mengikut Kelas	67
Jadual 4.2	Taburan Responden berdasarkan Alat Muzik yang diminati	
4.2.1	Kelas 1 Pi	68
4.2.2	Kelas 1 Beta	68
Jadual 4.3	Taburan Responden berdasarkan Pelajar pernah/masih mengambil Kelas Muzik Swasta	
4.3.1	Kelas 1 Pi	69
4.3.2	Kelas 1 Beta	69
Jadual 4.4	Pendapat pelajar Tingkatan 1 Pi (Eks) Dan Tingkatan 1 Beta (Kawalan) terhadap kelas muzik violin	72
Jadual 4.5	Pendapat pelajar Tingkatan 1 Pi (Eks) dan Tingkatan 1 Beta (kawalan) tentang pengetahuan yang diperolehi dalam kelas muzik violin	73-74
Jadual 4.6	Persepsi para pelajar tentang sebutan irama mengikut ikon/notasi dapat meneguhkan pembacaan atau permainan alat untuk berbagai corak irama	76
Jadual 4.7	Persepsi para pelajar tentang perkusi badan/tepukan tangan dapat membantu dalam pemahaman konsep ritma secara mendalam	77
Jadual 4.8	Persepsi para pelajar tentang nyanyian mengikut ikon/notasi membantu dalam mendapatkan inotasi yang betul bagi pic	79
Jadual 4.9	Persepsi para pelajar tentang aktiviti pendengaran dan mereka-cipta ritma dan notasi memberi pendedahan baru	80
Jadual 4.10	Persepsi para pelajar tentang bermain dalam kumpulan (ensemble)	81-82
Jadual 4.11	Ujian t- Pra - Pasca (Tingkatan 1 Pi- Experimental)	84

Jadual 4.12	Ujian t- Pra – Pasca (Tingkatan 1 Beta – Dikawal)	85
Jadual 4.13	Ujian t- Pra (1 Pi) – Pra (1 Beta)	86
Jadual 4.14	Ujian t- Pasca (1 Pi) – Pasca (1 Beta)	87
Jadual 4.15	Pra-ujian: Taburan Responden berdasarkan Masalah yang Dihadapi Dalam Kelas	88
Jadual 4.16	Pasca-ujian: Taburan Responden Berdasarkan Masalah yang Dihadapi Dalam Kelas	90
Jadual 4.17	Pra-ujian: Taburan Responden Berdasarkan Bagaimana Masalah Tersebut Dapat Diatasi	91
Jadual 4.18	Pasca-ujian: Taburan Responden Berdasarkan Bagaimana Masalah Tersebut Dapat Diatasi.	92
Jadual 4.19	Pra-ujian: Taburan Responden Berdasarkan Pendapat Pelajar Terhadap Pendidikan Muzik di Sekolah.	93
Jadual 4.20	Pasca-ujian: Taburan Responden berdasarkan Pendapat Pelajar Terhadap Pendidikan Muzik di Sekolah	94
Jadual 4.21	Keputusan Perbezaan min, sisihan piawai, korelasi bagi setiap item (Kelas 1 Pi)	97
Jadual 4.22	Keputusan Perbezaan min, sisihan piawai, korelasi bagi setiap item (Kelas 1 Beta)	99
Jadual 4.23	Perbezaan Min antara Kelas 1 Pi dan 1 Beta dalam Ujian Penilaian Akhir	101
Jadual 4.24	Ujian Pencapaian Penilaian Akhir Kelas 1 Pi dan 1 Beta	103

Carta 4.1	Markah Penilaian Akhir (1 Pi & 1 Beta) - Keberkesanaan Penerapan Kaedah Orff dan Kodaly di dalam Pembelajaran Muzik Violin	104
-----------	--	-----

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian daripada Bahagian Perancangan Dasar dan Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia.	134
Lampiran B	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian daripada Bahagian Perancangan Dasar dan Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia. (Negeri Perak)	135
Lampiran C	Borang Soal Selidik	136
Lampiran D	Borang Penilaian Akhir	140
Lampiran E	<i>The Survey of Teaching Effectiveness</i> (STE) oleh Hamann and Baker (1996)	142
Lampiran F	Modul Pengajaran Minggu 1-10 (Tingkatan 1 Pi- Eksperimental)	143
Lampiran G	Modul Pengajaran Minggu 1-10 (Tingkatan 1 Beta- Kawalan)	170



PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Pembelajaran muzik semakin berkembang di negara ini kerana muzik digunakan secara meluas dalam nyanyian, persembahan muzikal, hiburan, ritual dan sebagainya. Muzik juga mempunyai nilai-nilai murni dalam membina akhlak, keyakinan dan perasaan positif, serta menjadi medium dalam kesihatan dari segi mental dan fizikal (Nye & Nye, 1985).

Satu aliran pendapat mengatakan bahawa muzik merupakan satu bahasa sejagat. Ini adalah kurang benar kerana muzik daripada semua tamadun dan budaya di dunia adalah begitu luas dan amat berbeza. Apa yang boleh diterima ialah satu premis yang mengatakan bahawa muzik merupakan satu saluran sejagat yang membolehkan manusia meluahkan perasaan dan memperlihatkan identiti masing-masing. Benteng budaya dan/atau zaman yang biasanya menjadi salah satu faktor penghalang bagi sesuatu individu untuk menghayati beraneka jenis muzik boleh dikurangkan melalui pendidikan muzik yang sistematik. (Johami, 1997:76).

Satu cara untuk menyebarkan pengetahuan muzik dalam berbagai budaya ialah dengan mereka satu kurikulum pendidikan muzik yang dapat menerapkan berbagai nilai budaya supaya dengan cara ini, ia dapat mendorong kanak-kanak untuk menghargai dan menghormati serta menambah ilmu



pengetahuan tentang sesuatu budaya dan kepercayaan dalam negara itu. Kodaly, seorang pendidik muzik di Hungary telah menyatakan bahawa:

"The most urgent task is to make the means of music culture accessible for as many people as possible, primarily through schools"

(Koscar, 2002:13)

"Music is an indispensable part of universal human knowledge. He who lacks it has a faulty knowledge. A man without music is incomplete. So it is obvious that music should be a school subject. It is essential"

(Koscar, 2002:15)

Beliau berkata bahawa, tanpa muzik seseorang itu tidak lengkap, oleh itu muzik harus dijadikan satu subjek yang wajib di sekolah.

Semenjak kurikulum pendidikan muzik diperkenalkan di sekolah dan pra-sekolah seluruh dunia, beberapa kaedah pedagogi muzik juga mula menjadi asas dalam perkembangan minda kanak-kanak dalam mata pelajaran tersebut, selain daripada pembelajaran muzik secara tradisional. Antara kaedah-kaedah itu adalah Suzuki, Orff, Kodaly, Dalcroze, Gordon, Rolland dan sebagainya. Mereka telah mencipta kaedah-kaedah pengenalan asas muzik kepada permainan alat muzik untuk diterapkan pada awal usia kanak-kanak sehingga ke dewasa. Dalam golongan alat muzik bertali, Suzuki dan Rolland menggunakan kaedah mereka sendiri, telah membuktikan bahawa setiap kanak-kanak mempunyai bakat

Permainan alat muzik violin menjadi popular sejak 300 tahun dahulu, semenjak ia dimainkan oleh kaum gipsi Hungary, 'Country' dan 'Irish fiddler', dalam orkestra, muzik kamar atau secara solo dalam muzik Klasikal Barat. Di negara kita juga, violin dimainkan dalam orkestra simfoni dan pop, lagu-lagu asli Melayu dan keroncong.

Di negara ini, pendidikan muzik hanya terdapat di sekolah-sekolah kerajaan yang mempunyai subsidi untuk membeli alat-alat muzik dan sekolah swasta yang ditanggung oleh pihak sekolah dan ibubapa kanak-kanak tersebut. Alat muzik bertali pula tidak seberapa popular berbanding alat muzik tiupan, perkusi dan kibod kerana kekurangan guru atau sukar untuk mendapatkan guru yang berkemahiran dalam bidang itu serta dianggap sebagai sebuah alat muzik yang tidak mudah dipelajari.

Walaupun penubuhan sesuatu ensemble atau orkestra muzik adalah perkara yang merumitkan seperti pembelian alat muzik, penyelenggaraan serta kelengkapan lain, sesuatu sekolah itu haruslah mempunyai taraf kurikulum yang efektif supaya dapat mencungkil kemahiran dan kreativiti pelajar untuk mencapai objektif dan matlamat yang ditetapkan.

Pendidikan muzik di sekolah disediakan dengan mengambil kira muzik sebagai salah satu medium bagi pelajar meluahkan perasaan, fikiran dan imaginasi. Oleh itu, pelajar-pelajar perlu dibekalkan dengan ilmu pengetahuan, pengalaman dan kemahiran muzikal yang secukupnya supaya

dapat memupuk kesedaran tentang keunikan setiap budaya

tempatan yang menjadi warisan bangsa dan negara.

1.1 Objektif Kajian

Tujuan kajian ini dibuat ialah untuk mengkaji implikasi perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran violin menggunakan pendekatan Kodaly dan Orff berbanding kaedah Tradisional yang diterapkan ke atas dua kumpulan pelajar Tingkatan Satu. Keberkesanan pengajaran pula diukur berdasarkan sejauh mana hasil objektif pelajaran dicapai melalui proses pengajaran yang dirancang dan dilaksanakan (Shahabuddin, 2003). Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Membandingkan sejauh manakah penggunaan kaedah Orff dan Kodaly ke atas pelajar Tingkatan 1 Pi mempengaruhi minat dan kesan terhadap kelas muzik violin berbanding kaedah Tradisional ke atas pelajar Tingkatan 1 Beta.
2. Membandingkan sejauh manakah penggunaan kaedah Orff dan Kodaly dapat membantu dalam pencapaian penilaian akhir pelajar Tingkatan 1 Pi berbanding kaedah Tradisional ke atas Tingkatan 1 Beta dalam bidang permainan alat muzik violin.

Kajian ini yang diterapkan pada pelajar-pelajar tersebut adalah untuk melihat keberkesanan perkembangan dalam bidang permainan alat muzik violin menerusi konsep muzik seperti ritma, yang terdiri daripada krocet dan kuaver dan kedudukan pic dalam skala pentatonik dan diatonik dengan menggunakan ikon berbanding notasi biasa.

Pergerakan atau perkusi badan seperti petik jari, tepuk tangan dan hentak kaki juga diperkenalkan untuk memantapkan pemahaman corak irama yang berbagai. Penjarian juga menjadi aspek penting untuk memastikan ton yang dihasilkan baik dan tepat. Notasi-notasi yang diperkenalkan merangkumi tali D yang menghasilkan not D, E, F sharp dan G manakala tali A menghasilkan not A dan B.

Keberkesanan juga akan dilihat pada tahap pencapaian setiap pelajar atau kebolehan bermain violin secara solo dan ensembel dengan mengamalkan teknik yang betul seperti pengendalian dan penalaan alat, postur badan, cara-cara memegang violin dan bow, penjarian, berdisiplin dan beretika semasa latihan dan persembahan.

1.2 Kepentingan Kajian

Pembelajaran sesuatu alat muzik memberi peluang kepada seseorang itu untuk meluahkan perasaan, mencungkil kreativiti serta memperkembangkan potensi mengikut kemahiran individu. Penglibatan dalam muzik dapat menggalakkan dan mempertingkatkan koordinasi, penghafalan, keyakinan diri, menghargai dan mengamalkan nilai-nilai murni.

Dr.Shinichi Suzuki (1898-1998) seorang pendidik muzik violin yang terkemuka di Jepun berkata:

'Talent is not inherited, and the potential of every child is unlimited. All children are respected as unique

human beings, and they are capable of developing their musical abilities as well as they develop their linguistic abilities. His main goal are the child to build a noble soul, to develop an appreciation of beauty, to give a sense of purpose to life, to learn the discipline of acquiring a skill and to become a fine human being.'

(www.mcgill.ca/conservatory/course/suzuki)

Menurut Dr.Suzuki, setiap individu adalah unik dan berupaya mengembangkan kemahiran muzikal sebagaimana mereka mengembangkan kemahiran linguistik. Proses pembelajaran muzik juga menyumbang kepada kemahiran membaca, pengiraan, pergerakan, pendengaran dan menyanyi. Kaedah Orff dan Kodaly ini telah menolong pelajar-pelajar mempelajari muzik dengan cara yang berbeza daripada notasi tradisional.

Kajian ini dibuat oleh pengkaji untuk menolong pelajar-pelajar meneroka konsep muzik selain daripada menggunakan notasi biasa. Konsep ini telah diterapkan kepada pelajar-pelajar Tingkatan Satu yang bakal mempelajari muzik supaya mereka dapat menumpu pada perkembangan dalam kemahiran membaca notasi muzik, bermain mengikut ritma dan pic yang betul, mengaplikasikan perkusi badan mengikut corak ritma, dan mengecam notasi atas baluk dengan mudah. Di samping itu, mereka juga mempelajari teknik-teknik bermain violin, mengenali simbol-simbol yang digunakan serta etika dan disiplin diri yang harus

diamalkan ketika latihan dan persembahan dalam kumpulan.

Menurut Shahabuddin et al., (2003), kaedah pengajaran secara kumpulan merupakan orientas pengajaran yang berpusatkan kepada pelajar. Tujuan kaedah ini diadakan dalam pembelajaran adalah bagi membolehkan pelajar mengambil bahagian yang aktif di samping memenuhi keperluan pelajar yang mempunyai pelbagai kebolehan.

Kajian ini tertumpu pada pelajar berusia 13 tahun yang baru memasuki tahap sekolah menengah dan tidak mempunyai pengalaman bermain violin sebelum ini. Pembelajaran muzik para pelajar pada tahun sebelumnya di sekolah rendah telah diendahkan oleh guru-guru sekolah untuk mengulangkaji bagi persiapan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Dengan ini, kajian ini ditumpukan kepada aspek pemahaman dan pemantapan konsep muzik seperti ritma dan pic serta teknik permainan violin.

Bagi repertoire permainan lagu-lagu asas yang mudah, lagu rakyat dan pantun kanak-kanak dalam skala pentatonik dan diatonik digunakan. Ini merupakan satu cara yang efektif untuk memperkukuhkan konsep ritma dan melodinya kerana ia mempunyai daya tarikan dari segi melodi dan rentak. Penggunaan lagu rakyat dan pantun dapat membantu pelajar-pelajar membina keyakinan diri dan memperkembangkan sifat kreatif dan ekspresif melalui imaginasi dan pemikiran mereka. Lagu rakyat dan pantun dari negara Barat dan juga negara ini yang telah diperdengarkan sejak kecil, dipilih oleh pengkaji untuk membolehkan para pelajar memperbaiki

kualiti ton yang dihasilkan. Begitu juga dengan

penggabungan kedua-dua kaedah ini, dapat memberi manfaat kepada mereka dan menerima asas pendidikan muzikal yang secukupnya. Menurut Young (1996), pendidikan muzik dari pelbagai budaya mengembangkan kemahiran mendengar dan menggalakkan interaksi yang positif dan produktif di antara masyarakat pelbagai bangsa, etnik, agama dan budaya.

1.3 Pernyataan Hipotesis

Tujuan kajian ini adalah untuk menentukan keberkesanan kaedah Orff dan Kodaly dalam pengajaran violin ke atas kumpulan dikaji, berbandingkan penggunaan kaedah tradisional bagi kumpulan dikawal.

Secara spesifik, kajian ini mengemukakan dua hipotesis bahawa;

Hipotesis 1

H_0 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi minat dan keberkesanan terhadap kelas muzik violin yang menggunakan kaedah Orff dan Kodaly berbanding kaedah Tradisional.

Hipotesis 2

H_0 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi pencapaian dalam permainan alat muzik violin di antara kumpulan pelajar yang menggunakan kaedah Orff dan Kodaly berbanding kaedah Tradisional.

Bagi mencapai objektif di atas, sebanyak 2 persoalan kajian telah dibentuk, iaitu;

1. Sejauh manakah minat dan keberkesanan terhadap kelas muzik violin diantara sebelum dan selepas penggunaan kaedah Orff dan Kodaly atas pelajar Tingkatan 1 Pi berbanding kaedah Tradisional atas pelajar Tingkatan 1 Beta?
2. Sejauh manakah penggunaan kaedah Orff dan Kodaly dapat membantu pencapaian dalam penilaian akhir bagi pelajar Tingkatan 1 Pi berbanding kaedah Tradisional bagi kelas 1 Beta dalam bidang permainan alat muzik violin?

Kajian ini dibuat untuk melihat keberkesanan penggunaan kaedah Orff dan Kodaly berbanding kaedah Tradisional yang diterapkan terhadap konsep ritma dan pic dalam pembelajaran violin pelajar muzik.

Pengkaji dapat mengenalpasti beberapa pendidik muzik seperti Spiro Kizas yang telah menerapkan kaedah Orff dan Kodaly dalam pembelajaran alat muzik program Suzuki, yang bermula dengan permainan alat bertali dan diperkembangkan kepada alat tiupan dan piano. Begitu juga dengan *Colourstring Method* yang diperkenalkan oleh Geza Swilvay, *Rolland String Pedagogy* dan *My Smilin' Violin Method* yang menggalakkan kanak-kanak menggunakan isyarat tangan,

membaca notasi, memainkan violin secara lisan, pengetahuan konsep muzik dan pedagogi alat muzik violin serta menggalakkan penyertaan ibubapa. Beberapa kajian tesis juga telah dijalankan di beberapa negara seperti Brazil, Ghana, Belgium, Perancis dan banyak lagi yang menerapkan kaedah-kaedah tersebut dalam permainan alat muzik instrumental.

Tesis ini memfokus kepada pelajar-pelajar berumur 13 tahun yang bakal mempelajari bermain violin sebagai satu subjek elektif sekolah itu. Aspek penting yang digunakan oleh pengkaji ialah persepsi estetik di mana pelajar diperkenalkan dengan teori dan terminologi muzik pada awal pembelajaran violin. Selain daripada menggunakan notasi biasa, pengkaji telah mereka satu rancangan mengajar yang menerapkan beberapa elemen daripada kaedah Kodaly dan Orff dan diubahsuai mengikut objektif kajian ini. Pentingnya kurikulum dalam pendidikan muzik adalah untuk menyediakan informasi yang komprehensif tentang muzik dan mengembangkan kemahiran muzikal untuk menggalakkan pemahaman dalam bidang tersebut (Labuta & Smith, 1997).

Penggabungan kedua-dua kaedah ini memberi satu inspirasi kepada penerokaan dan pemahaman konsep muzik secara keseluruhan. Pembelajaran muzik ini dilaksanakan mengikut tahap pemikiran pelajar-pelajar untuk menjadikan aktiviti dalam kelas muzik lebih menarik dan tidak tertumpu pada notasi sahaja.

Jerome Bruner seorang ahli psikologi Amerika telah membentuk satu 'arahan teori' untuk mencapai kemajuan dalam

(Choksy, 1991).

Pengkaji menekankan penggunaan mod kedua, iaitu ikonik bagi penerokaan konsep ritma telah diubahsuai untuk Kelas 1 Pi (eksperimental) dengan penggunaan nama sesuatu objek, seperti 'bird' dan 'bee-tle' yang mewakili notasi 1 dan $\frac{1}{2}$ kiraan dalam konsep ritma yang diperkenalkan digabungkan dengan perkusi badan. Kelas 1 Beta (dikawal) pula menggunakan cara tradisional iaitu notasi muzik dan pengiraan seperti '1 and 2 and 3 and dan 4 and' untuk ritma krocet dan kuaver.

Permainan alat muzik violin dengan teknik yang betul juga menjadi satu objektif penting dalam kajian ini.

Pengkaji juga membuat aktiviti tambahan untuk membolehkan pelajar mencipta ritma dan pic menggunakan hanya tiga not

iaitu D, E, F sharp dan tanda rehat. Pelajar menggunakan kreativiti masing-masing mengikut kemahiran dan pengalaman sedia ada.

1.6 Penyataan Masalah

Selain daripada kurikulum pendidikan muzik yang diterbitkan baru-baru ini untuk rujukan guru-guru muzik, tiada buku yang dihasilkan untuk kegunaan alat muzik violin. Masalah ini menjadi lebih sukar untuk guru-guru untuk mendapatkan buku violin yang dapat memenuhi kehendak dalam kurikulum KBSM kerana setiap buku metod mempunyai cara yang berbeza dari segi pengenalan notasi. Untuk memudahkan keadaan, pengkaji telah mereka satu rancangan pengajaran yang menggunakan kaedah-kaedah Kodaly dan Orff serta menggunakan Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Rendah dan buku-buku metod permainan violin negara Barat dan Suzuki sebagai rujukan.

Selain itu, pelajar-pelajar Tingkatan Satu juga terlibat dalam aktiviti mingguan, sukan dan ujian bulanan yang membuatkan mereka tidak dapat meneruskan kelas violin tersebut dengan lancar. Bagi menyelesaikan masalah ini, pengkaji biasanya membuat pengulangan pelajaran minggu sebelumnya secara rawak sebelum memulakan sesi pengajaran untuk minggu itu.

Kajian ini tertumpu kepada 28 pelajar-pelajar Tingkatan Satu dalam dua kelas di Sekolah Menengah Raja Permaisuri Bainun, Ipoh Perak yang mengambil subjek muzik. Kelas tersebut adalah 1 Pi (eksperimental) yang terdapat seramai 15 orang manakala 1 Beta (dikawal) seramai 13 orang.

Kajian ini mempunyai batasan dari segi bilangan pelajar yang merupakan kelas yang bakal bermain violin. Menurut Hoffer (2001), kelas awal pembelajaran alat muzik bertali tidak seharusnya melebihi 15 orang pelajar. Ini adalah kerana masa diperlukan untuk penalaan serta perhatian yang harus diberikan kepada setiap pelajar adalah penting.

Kajian ini juga terbatas pada dua tali utama pada violin iaitu tali D dan A yang mengandungi not-not D, E, F sharp, G, A dan B serta ritma 1 dan $\frac{1}{2}$ kiraan. Oleh kerana pengkaji menyediakan rancangan pengajaran yang meliputi konsep ritma dan pic serta teknik bermain yang asas, maka kajian ini dinilai mengikut tahap yang memenuhi objektif kajian tersebut.

1.8 Definisi Istilah

1.8.1 Notasi Ikon

Gambar kecil dalam pelbagai susunan simbol visual atau penggunaan sesuatu bentuk selain daripada simbol muzik tradisional untuk mewakili aspek muzik (Labuta, 1997).

Pengkaji menggunakan ikon 'bird' dan 'bee-tle' bagi

1.8.2 Kaedah Orff

Kaedah Orff berasaskan kepada perlakuan kanak-kanak seharian seperti bertutur, menyanyi dan pergerakan yang mempunyai aspek ritma yang tersendiri. Beliau menggunakan alat muzik perkusi tidak berpici seperti tamborin dan triangle untuk ritma yang mudah dan yang berpici seperti glockenspiel untuk memperkenalkan skala pentatonik kepada kanak-kanak pada tahap permulaan pembelajaran muzik. Beliau mementingkan penglibatan semua ahli dan proses pengajaran secara imitasi, mencipta, kreativiti dan improvisasi (Choksy et al., 1986).

1.8.3 Kaedah Kodaly

Falsafah Kodaly yang terutama ialah setiap insan yang mempunyai kemahiran linguistik juga mempunyai kemahiran muzikal. Suara merupakan alat utama yang diperkenalkan sebelum bermulanya permainan alat muzik. Beliau mencipta ratusan lagu rakyat untuk kanak-kanak negara Hungary supaya mereka dapat menghargai budaya dan seni warisan negara tersebut. Kodaly memperkenalkan tiga cara memperkenalkan konsep muzik iaitu nyanyian *sol fa (do - do')*, isyarat tangan Curwen yang membezakan setiap pici dengan kedudukan tangan dan ketiganya, silabel ritma menggunakan notasi lidi seperti 'ta' dan 'ti-ti'. (Choksky, 1999).

Lagu yang bermula di kalangan penduduk dalam sesebuah negara atau tempat, dibawa secara tradisi lisan kepada generasi seterusnya, dan mempunyai beberapa versi. Ia menggunakan ciri-ciri melodi tempatan dan mempunyai beberapa stanza (Webster Encyclopedia, 1989). Dalam konteks muzik, bentuknya mudah dan pendek, melodi dan ritma yang berulang-ulang dalam skala renj yang kecil. Dalam konteks bahasa pula, ia menggunakan perkataan yang mudah dan menekankan corak sesebuah bahasa ibunda (Choksy, 1999).

1.8.5 Notasi Lidi

Ritma notasi muzik yang hanya mengandungi garisan tanpa 'notehead' digunakan dalam kaedah Kodaly untuk menyebut atau menulis ritma dengan mudah oleh kanak-kanak di Hungary (Choksy, 1999).

1.8.6 Pantun Kanak-Kanak

Rangkap yang diceritakan atau dinyanyikan kepada kanak-kanak. Digunakan sebagai satu cara menolong kanak-kanak mempelajari abjad dan nombor dan melancarkan penggunaan bahasa. Pantun dibaca oleh orang dewasa dalam sesebuah komuniti untuk menyampaikan kisah sejarah dan nilai hidup menerusi tradisi lisan. Ia ditulis secara spontan, hasil daripada pengalaman, peristiwa tempatan, dan ilham daripada lagenda tempatan, malah juga direka mengikut imaginasi seseorang (T.S.Saraswathi, 1999).

1.8.7**Perkusi Badan**

Menggunakan anggota badan seperti petik jari, tepuk tangan, tepuk peha dan hentak kaki untuk menghasilkan sesuatu bunyi. (Choksy et al., 1986)

1.8.8**Skala Pentatonik**

Skala lima nada (*do, re, mi, so* dan *la*) yang sering digunakan dalam kaedah Kodaly dan Orff sebelum memperkenalkan skala diatonik (skala penuh *do - do'*). Terdapat beberapa lagu Cina tempatan yang berskala pentatonik seperti *Dayung Sampan, Sapu Tangan* dan *Tudung Periuk* (Johami, 1997:177).

1.8.9**Skala Diatonik**

Skala mengikut tanda nada (Glosari Seni Muzik, 1996). Notasi-notasi dalam jeda, kod dan harmoni yang terdapat pada tanda nada skala major atau minor (The Concise Oxford Dictionary of Music, 1990).

1.8.10**Violin**

Sebuah alat muzik bertali empat (E-A-D-G) dimana kedua-dua tangan melakukan perkara yang berbeza untuk menghasilkan bunyi. Violin dipegang pada tangan kiri manakala kayu bow dipegang pada tangan kanan. Ia boleh dimainkan dengan cara berdiri atau duduk. Pic yang berlainan dihasilkan dengan menekan tali pada *fingerboard* dengan menggunakan empat jari sahaja. Violin merupakan salah satu alat muzik yang agak

sukar dikuasai disebabkan oleh teknik yang dikawal dengan kedua-dua tangan. Seseorang pemain memerlukan pendengaran yang tajam bagi menghasilkan intonasi yang tepat. (Lamb & Cook, 1994).



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi